

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

17hb Jun, 1970

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 15 TAHUN 1970

Perkhidmatan Pengira Elektronik sebagai Perkhidmatan Guna-sama

Pengenalan

Ada-lah di-ma'alomkan bahawa Kerajaan telahpun mewujudkan Perkhidmatan Pengira bahagian Elektronik dan Perkhidmatan ini ada-lah di-jadikan sebagai Perkhidmatan guna sama, seperti dalam [P.A. Bab A41](#). Pada masa ini Bahagian2 Pengira Elektronik ada-lah di-dapati di-Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perangkaan, Jabatan Ukur dan Lembaga Pepereksaan, Kementerian Pelajaran. Jawatan2 yang termasuk di-dalam Perkhidmatan ini ada-lah terdiri daripada jawatan2 berikut :-

- (a) Perkhidmatan Juruelektronik-Bahagian I
- (b) Perkhidmatan Pengator Ranchangan - Bahagian II
- (c) Perkhidmatan Operator Konsol - Bahagian III.

Pengawalan.

2. Berikutan dengan keputusan Kerajaan menjadikan Perkhidmatan ini sebagai perkhidmatan guna-sama, maka Ketua Perkhidmatan (Head Of Service) bagi Perkhidmatan ini ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Oleh hal yang demikian, Ketua2 Jabatan dalam mana Bahagian2 Pengira Elektronik di-dapati, hendak-lah terlebih dahulu mendapat keputusan daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di- atas perkara2 yang di- nyatakan di-bawah ini :-

- (a) Perkara2 perjawatan seperti mewujudkan jawatan2 baharu menaik, menurun dan mengkaji semula taraf2 jawatan;
- (b) Chadangan2 bagi menyusun semula Bahagian2 Pengira elektronik di sa-suatu Kementerian/Jabatan itu;
- (c) Perkara2 perkhidmatan seperti pengambilan, pertukaran, kenaikan pangkat, tukar sementara, pinjaman dan sebagainya.
- (d) Butir2 mengenai rekod2 perkhidmatan;
- (e) Chadangan2 mengenai kajian di atas syarat-syarat perkhidmatan seperti tangga-gaji, hak2 kemudahan, dan lain2.;
- (f) Ranchangan2 latehan pegawai2 yang berkenaan, seperti latehan dalam khidmat (in-service training) atau pun menghantar pegawai2 untuk mencapai kelulusan2 tambahan, dan penyerapan dalam kursus2;
- (g) lain2 perkara yang berthabit dengan perkara2 perjawatan,

perkhidmatan, gaji dan latehan yang tiada di- nyatakan dengan tegasnya di- dalam perenggan 2 di-atas.

Lembaga
Kenaikan
Pangkat :

3. Ada-lah juga di- ma'alomkan bahawa Lembaga Kenaikan Pangkat bagi menimbangkan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan ini adalah seperti berikut :-

Jawatan

Lembaga

(a) Juruelektronik - Jadual Pertama, perenggan I (i) dalam Peratoran2 Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1967.

(b) Pengator Rancangan - Jadual Pertama, perenggan 3 dalam peratoran2 Lembaga Kenaikan pangkat Perkhidmatan Awam, 1967.

dan (c) Operator Konsol - Jadual Pertama, perenggan 5 dalam Peratoran2 Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1967.

Lembaga
Rayuan
Kenaikan
pangkat :

4. Lembaga rayuan Kenaikan Pangkat bagi pegawai2 dalam Perkhidmatan Juruelektronik adalah terdiri dari ahli2 Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang di- lantek di- bawah kuasa Fasal 139 Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang di-tetapkan di - bawah Peratoran 11 kapada Peratoran2 Lembaga Perkhidmatan Awam, 1967.

Lembaga
Tatatertib :

5.1 Lembaga2 Tatatertib bagi semua Pegawai2 di- dalam Perkhidmatan Pengira elektronik yang berkhidmat dalam Jabatan2 di- bawah Kementerian2 yang di- satukan (integrated Ministries) adalah terdiri daripada Lembaga2 mengikut Jadual Pertama Perenggan I (i)-(v) kapada Peratoran2 Lembaga Tata-tertib Perkhidmatan Awam, 1967.

2. Lembaga2 Tata-tertib bagi semua pegawai2 di- dalam Perkhidmatan Pengira elektronik yang berkhidmat dalam Jabatan2 di - bawah kementerian2 yang belum di-satukan lagi (not Yet intregated) adalah terdiri daripada Lembaga2 mengikut Jadual Pertama Perenggan 2(i) - (v) kapada Peratoran-Peratoran Lembaga Tata-tertib Perkhidmatan Awam, 1967.

Lembaga2
Rayuan
Tata-tertib:

6.1 Lembaga2 Rayuan Tata-tertib bagi semua pegawai2 dalam Perkhidmatan Juruelektronik ada-lah terdiri dari ahli2 Surohanjaya Perkhidmatan yang dilantek di- bawah Fasal 139 Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang di-tetapkan di- bawah peratoran 10 kapada Peratoran2 Lembaga Tata-tertib Perkhidmatan Awam, 1967.

2. Lembaga2 Rayuan tatatertib bagi sernua pegawai2 dalam Bahagian II dan III (Pengator2 Rancangan dan Operator 2 konsol) ada-lah terdiri daripada Lembaga2 Rayuan sebagaimana di-tubuhkan mengikut Jadua Kedua, Peratoran2 Lembaga Tata-tertib Perkhidmatan Awam, 1967 ,mengikut mana yang berkenaan.

7. Apa2 keraguan mengenai Perkhidmatan Pengira Elektronik ini

hendak-lah di- majukan kapada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya yang menurut perintah,

(HASHIM BIN AMAN)
Bahagian Perkhidmatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Setia Usaha Tetap2 / Setia Usaha Kementerian

Setia Usaha, Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur.

Yang Berhormat, Setia Usaha2 Kerajaan Negeri2 di-Malaysia Barat.